

Menjelang Rombakan Kabinet:

Gugurkan Menteri Rasuah!



Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi

KUALA LUMPUR - *Era Baru* telah menerima banyak panggilan telefon dari orang ramai mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar tidak teragak-agak menggugurkan beberapa menteri dalam kerajaan kini yang korap atau rasuah tanpa mereka menyebut nama-nama mereka yang didakwa melakukan rasuah.

Mereka ini mahu Perdana Menteri menegakan janjinya apabila mengambil alih pucuk pentadbiran dari Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dua tahun dahulu yang beliau mahu melihat Kerajaan yang bersih dan *transparent*.

Disebabkan rombakan kabinet dipercayai akan berlaku dalam masa yang terdekat ini maka menurut mereka masanya sudah sampai dan tepat bagi Pak Lah melakukan rombakan

yang besar dengan membawa masuk muka-muka baru yang berpengalaman, bertanggungjawab, amanah, berani dan benar-benar cintakan kepada tanahair dan bangsa.

Nama-nama mereka yang pernah dikaitkan dengan rasuah sebelum ini haruslah di gugurkan tanpa perasaan kasihan terhadap mereka ini. Dan jika Kerajaan mempunyai bukti-bukti yang kukuh bahawa mereka ini rasuah, mereka harus

di bawa ke muka pengadilan kerana sudah tentunya mereka ini telah menyalahguna kuasa dan mengambil kesempatan dari kedudukan mereka dalam Kerajaan untuk memperkayakan diri mereka dan bukan untuk kepentingan rakyat jelata.

**OLEH:
WARTAWAN
ERA BARU**

• LIHAT MUKA 2



Ucapan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di 'The Perdana Global Peace Forum'

Muka 20

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Gugurkan Menteri Rasuah!

Pemanggil juga mengharapkan kepada satu rombakan kabinet yang mantap dengan pemimpin yang komited dan yang sanggup bekerja kuat selain mampu memberi sumbangan yang boleh mengukuhkan Kerajaan. Menteri dan timbalan menteri yang bakal dilantik ini mestilah juga yang tidak mempunyai hubungan rapat atau kroni kepada orang atasan yang mana akan hanya menyulitkan pentadbiran Pak Lah.

Tidak mudah bagi Perdana Menteri membuat pilihan yang tepat dan memuaskan namun Pak Lah sudah tentu bijak menilai dan memilih orang-orang yang boleh bekerja dengan beliau untuk memajukan agenda Kerajaan.

Sementara itu, ramai juga yang berpendapat bahawa semua Menteri-Menteri Kanan termasuk daripada Parti Komponen yang berada di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad patut secara sukarela mengundurkan diri kerana mereka sudah begitu lama berada dalam kabinet dan patut diganti dengan yang lebih berupaya dan berkesan untuk mewakili parti masing-masing dalam Kerajaan.

Tambahan lagi, mereka ini dikatakan telah berjanji dengan Tun Dr. Mahathir yang mereka akan mengosongkan kerusi masing-masing apabila Tun Dr. Mahathir melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri.

Jika ini boleh mereka kotakan sudah tentu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan berasa selesa kerana ia akan memudahkan beliau menyusun kabinet barunya. Apa kata mereka?